

## CERAMAH PENDIDIKAN MORAL DAN PERSEPSI PELAJAR

Tan Yoke Peng  
*yokepengtan@yahoo.com.my*  
Jeyagobi Dhamodarem Ph.D  
Kok Kean Hin Ph.D  
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

### Abstrak

Kajian rintis ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar sekolah menengah kebangsaan terhadap ceramah Pendidikan Moral yang dijalankan oleh pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Seramai 32 orang pelajar dari sebuah sekolah menengah di daerah Hulu Langat telah terlibat dalam kajian ini. Reka bentuk kajian ialah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik TJM2020. Data dikumpul dan dipersembahkan secara deskriptif dengan kekerapan dan peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar (96.9%) memberikan persepsi yang positif terhadap ceramah Pendidikan Moral yang dijalankan.

Kata kunci: Ceramah Pendidikan Moral, deskriptif, persepsi, rintis, sekolah menengah

### *Abstract*

*This pilot study was carried out to identify the students perception towards the Moral Education talk given by the lecturers from Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. There were 32 students, from a secondary school in Hulu Langat district, who took part in this study. The research design used was survey. The instrument used was TJM2020 questionnaire. The data were collected and presented descriptively with frequency and percentage. Results showed that almost all students (96.9%) had positive perception toward the Moral Education talk conducted by the lecturers from Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam.*

*Keywords:* Moral Education talk, descriptive perception, pilot, secondary school

Amanah Tugas Pensyarah (ATP) merupakan satu konsep yang diperkenalkan di Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi mengenal pasti, mendokumen & mengiktiraf tugas dan tanggungjawab seseorang pensyarah termasuk aktiviti pengajaran, kesarjanaan akademik dan perkhidmatan serta sumbangan (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2020). Aktiviti perkhidmatan dan sumbangan untuk pihak luar akan menyumbang kepada kesetaraan jam perkhidmatan pensyarah IPG. Pensyarah bertugas sebagai seorang penceramah untuk program satu hari (8 jam) akan menyumbang kepada kesetaraan jam sebanyak 1 jam (IPGM, 2020). Apabila kesetaraan jam ini dikumpul sepanjang tahun, ia merupakan satu petanda yang ketara tentang kepakaran seseorang pensyarah IPG. Pensyarah IPG bukan sahaja dapat meningkatkan kemampuan kendiri dan kepimpinan kendiri, malah mereka juga dapat berkongsi pengalaman dengan pihak luar seperti sekolah dan agensi pendidikan lain.

Bagi pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), mereka selalu dijemput untuk memberi pelbagai ceramah dan perkongsian pengalaman di persekitaran kampus mereka. Antaranya ialah ceramah Pendidikan Moral. Ceramah Pendidikan Moral diperlihatkan sebagai satu platform yang berguna untuk para pelajar. Ceramah Pendidikan Moral bukan sahaja dapat memberi motivasi kepada pelajar pelbagai latar belakang, malah ia juga memberikan sokongan dan keyakinan untuk semua pelajar (Hin, K.K.S. , personal communication, April 19, 2019). Tujuan utama Pendidikan Moral adalah untuk mengurangkan tingkah laku yang tidak beretika atau kelakuan yang menyimpang yang wujud dalam sesebuah organisasi (Bampton & Maclagan, 2005; NcNair & Milam, 1993). Di samping itu, pembangunan moral individu perlu dipupuk seawal peringkat persekolahan dan adalah sukar untuk mendidik individu yang telah dewasa tentang nilai-nilai, norma-norma dan prinsip-prinsip etika dan moral (Cragg, 1992; Lind, 2008).

Pengurusan pendidikan etika, moral dan integriti penting bagi mewujudkan modal insan yang berkualiti (Roslan & Nik Rosnah, 2008). Pengurusan ini juga dapat mengelak daripada berlakunya kelakuan yang menyimpang daripada laluan yang betul. Selain itu, ia juga dapat mengekalkan imej dan reputasi sesuatu organisasi dan individu. Dapatan kajian juga mendapati bahawa pendidikan moral dapat membangunkan kemahiran analitikal dalam kalangan individu bagi mewujudkan perbuatan keputusan yang beretika (French, 2006; Sims dan Felton, 2006).

### Tinjauan Literatur

Pelaksanaan ceramah moral di sekolah merupakan aktiviti alternatif untuk memupuk amalan nilai murni dalam kalangan pelajar selain daripada pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah sekadar mengikut buku teks sahaja (Othman & Suhid, 2010). Ianya merupakan satu laluan alternatif bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan amalan nilai murni dan membantu menarik perhatian pelajar yang sentiasa kurang minat belajar dalam kelas dengan guru yang sama dan pada jadual waktu yang ditetapkan. Pelaksanaan aktiviti ini juga dianggap sebagai pedagogi pelbagai variasi rangsangan bagi menyelesaikan masalah guru yang menghadapi masalah pemilihan kaedah dan teknik mengajar yang paling bersesuaian dengan pelajar.

Menurut Hashim (2003), pengajaran dan pembelajaran ialah satu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama pengajar dan pelajar. Selain itu, pengajar perlu menekankan penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia adalah asas pembangunan kepada pembentukan nilai pelajar yang bermoral dan beretika (Othman & Suhid, 2010).

Kajian lepas berkenaan pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran dari perspektif guru menunjukkan para guru mempunyai persepsi positif terhadap kepentingan pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran Pendidikan Jasmani & Kesihatan (PJK) dan olahraga (Norzamri & Nurhasini, 2010). Walau bagaimanapun, kajian ini mengatakan bahawa guru PJK didapati menghadapi masalah dalam banyak aspek untuk melaksanakan penerapan murni dalam pengajaran terutama dari aspek menentukan kaedah dan teknik yang sesuai dan jumlah masa yang perlu digunakan untuk pemupukan nilai pada satu-satu masa.

Merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986 (Panitia Mata Pelajaran), ia menegaskan pentingnya penubuhan panitia matapelajaran dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas mengajar melalui strategi-strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Bahagian Sekolah-Sekolah, 1986). Panitia ini juga patut berikhtiar mencari penyelesaian kepada masalah-masalah bukan sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran bahkan juga masalah yang berkaitan dengan amalan nilai murni yang memberi kesan kepada motivasi, sikap dan tabiat belajar murid.

Jika para guru mampu merancang dan melaksanakan aktiviti sampingan seperti ceramah Pendidikan Moral sebagai fokus yang ditegaskan dalam penubuhan panitia matapelajaran, maka peningkatan amalan nilai murni dalam kalangan pelajar akan membantu menyelesaikan masalah-masalah yang memanfaatkan semua pihak warga sekolah. Perkara yang penting dalam melaksanakan ceramah ialah mengambil perhatian untuk memahami pendengar kita dan menyampaikan mengikut kesesuaian mereka supaya mesej yang disampaikan dapat difahami serta memberi manfaat kepada pendengar.

### Pernyataan Masalah

Kegagalan mendidik anak seiring zaman teknologi maklumat membawa kebimbangan peningkatan masalah gejala sosial dalam kalangan pelajar sekolah. Pelajar yang kurang sedar nilai tanggungjawab mudah terjebak dengan gejala tidak sihat seperti buli, lepak, pergaulan bebas, penyalahgunaan bahan, tidak menghormati orang tua dan sebagainya.

Masalah salah guna teknologi maklumat bukan perkara baru. Mengikut mantan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh, beliau sentiasa sedia maklum ada kes di mana kebanyakan remaja mempunyai masalah termengandung, atau ada yang dirogol oleh ahli keluarga atau teman lelaki (Yeoh, 2019). Mangsa terlalu muda dan tidak tahu apa yang perlu dibuat di samping kurang sedar tentang nilai tanggungjawab, akhirnya menyebabkan kes pembuangan bayi yang menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Beliau juga mengatakan kes seperti inilah yang menjadi cabaran kementerian kerana wujudnya kesedaran yang tidak sepadan dengan teknologi dan generasi muda yang sangat *technology savvy*. Kajian mendapati pendidikan seks hanya mula diajar kepada pelajar tingkatan tiga, tetapi sembilan peratus pelajar tingkatan satu sudah pun aktif secara seksual (Yeoh, 2019).

Peranan sekolah dan institusi pendidikan perlu memainkan peranan mereka dalam menyemaikan keadaan pelajar tentang nilai-nilai murni yang perlu dipupuk selain daripada sikap tanggungjawab. Pendidik khususnya mereka yang berkelulusan bimbingan dan kaunseling perlu menaburkan perkhidmatan dan pengalaman mereka dalam aktiviti-aktiviti seperti ceramah moral, ceramah agama, ceramah kaunseling dan sebagainya. Justeru, kajian rintis ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap cara penyampaian ceramah Pendidikan Moral yang dilaksanakan oleh IPGKPI.

### **Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti persepsi pelajar sekolah menengah terhadap cara penyampaian ceramah Pendidikan Moral yang dilaksanakan.

### **Soalan Kajian**

1. Apakah persepsi pelajar sekolah menengah terhadap cara penyampaian ceramah Pendidikan Moral yang dilaksanakan ?

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ialah tinjauan. Kaedah ini bertujuan menjelaskan dapatan dan mendapat gambaran sebenar mengenai persepsi pelajar terhadap ceramah Pendidikan Moral yang disampaikan (Creswell & Plano Clark 2007).

### **Metodologi**

Metod kuantitatif dalam kajian ini berbentuk soalan tertutup (Ya/Tidak). Tujuannya adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap ceramah Pendidikan Moral dari segi tahap minat dan kesesuaian masa berdasarkan soal selidik. Soalan terbuka yang dijawab oleh sampel dengan jawapan pendek sebagai maklum balas terhadap ceramah Pendidikan Moral. Selain itu, data kualitatif juga dikumpul untuk menyokong dapatan kuantitatif mengenai pandangan sampel tentang penyampaian ceramah Pendidikan Moral.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian ini terdiri daripada 32 orang pelajar sekolah menengah. Ia merangkumi pelajar-pelajar tingkatan tiga, tingkatan empat dan tingkatan lima dari sebuah sekolah menengah kebangsaan di daerah Hulu Langat, Selangor. Sampel terdiri daripada 56.3% pelajar lelaki dan 43.7% pelajar perempuan. Kumpulan ini terdiri daripada 12 pelajar tingkatan 3, 10 pelajar tingkatan 4 dan 10 pelajar tingkatan 5.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan Instrumen borang soal selidik TJM20 (Rujuk Apendik A). Borang ini telah disahkan oleh pakar-pakar rujuk daripada IPG Kampus Pendidikan Islam. Soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A untuk latar belakang pelajar termasuk bangsa, jantina dan tahap pendidikan. Bahagian B untuk mengenal pasti persepsi pelajar terhadap ceramah dari perspektif minat, kesesuaian masa dan pandangan penyampaian ceramah yang menarik.

### Pengumpulan Data

Ceramah Pendidikan moral telah dijalankan pada 14 Februari 2020. Soal selidik dijalankan selepas sesi ceramah berakhir. Borang ini dikumpul semula selepas pelajar menjawabnya pada hari kejadian.

### Limitasi Kajian

Kajian ini turut dijalankan untuk pelajar bangsa lain dan tingkatan lain yang mengikuti sesi ceramah Pendidikan Agama dan Pendidikan Moral pada hari kejadian. Namun, Kajian ini akan berfokus kepada pelajar Cina tingkatan 3, tingkatan 4 dan tingkatan 5 yang menghadiri sesi ceramah Pendidikan moral pada hari kejadian. Kajian ini adalah bersifat rintis dan kajian yang selanjutnya mungkin akan dijalankan selepas analisis dapatan kajian.

### Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dapatan ini menunjukkan bahawa seramai 31 orang pelajar (96.9%) mempunyai persepsi yang positif terhadap ceramah Pendidikan Moral yang disampaikan. Mereka turut memberi maklum balas bahawa mereka berminat dengan ceramah yang dihadiri. Hanya seorang pelajar (3.1%) menyatakan tidak berminat dengan ceramah Pendidikan Moral ini.

Maklum balas yang positif telah diberikan oleh pelajar. Maklum balas dicatatkan dalam bentuk asal dan dalam bahasa boleh difahami oleh pengkaji. Antaranya adalah yang berikut;

- i. Boleh tahan, tak rasa tidak berminat
- ii. Ceramah yang bermakna, menarik dan penuh kasih sayang, terima kasih
- iii. Ada sikit minat
- iv. Sangat suka kerana masuk akal
- v. Kandungan ceramah yang boleh dipercayai dan difahami
- vi. Video yang menarik
- vii. Dapat ilmu
- viii. Dapat pengajaran di mana bertanggungjawab perlu ikhlas dan tanpa niat
- ix. Belajar tentang prinsip hidup

Hanya seorang pelajar menunjukkan kurang minat dengan ceramah kerana pelajar ini berpendapat bahawa penyampaian terlalu berunsur pengajaran dan sepatut boleh dengan penyampaian lain yang lebih bagus.

Bagi aspek tempoh masa ceramah, sebanyak 81.3% pelajar juga bersetuju dengan tempoh masa ceramah yang dijalankan. Maklum balas pelajar adalah seperti berikut;

- i. Tempoh yang sesuai
- ii. Bersemangat daripada keadaan asal yang mengantuk
- iii. Kerana tidak perlu masuk kelas
- iv. Kerana tidak ingin masuk kelas
- v. Kerana mengambil waktu kelas
- vi. Diadakan pada waktu pagi yang cergas
- vii. Kerana ia memberi manfaat

viii. Kerana guna waktu sebegini baru banyak dapatan

Dua orang pelajar (18.7%) tidak bersetuju dengan tempoh masa ceramah yang dijalankan. Maklum balas pelajar adalah tempoh masa yang diambil untuk berceramah tidak sesuai kerana kehilangan waktu Pendidikan Jasmani. Seorang pelajar itu mengatakan tempoh masa ceramah agak panjang dan otaknya berkeadaan tidak cergas pada waktu pagi.

Bagi aspek penyampaian ceramah, 16 orang pelajar telah memberi pandangan yang positif. 16 orang pelajar yang lain tidak memberi pandangan mereka bagi aspek ini. Pandangan-pandangan mereka adalah yang seperti berikut;

- i. Kandungan ceramah yang penuh kasih sayang
- ii. Cara penyampaian ceramah yang pelbagai termasuk video, aktiviti, berceramah dan pemberian hadiah
- iii. Penyampaian penceramah memberi banyak manfaat pembelajaran
- iv. Tersentuh hati dan bertanggungjawab
- v. Banyak aktiviti dan ada kebebasan memilih kumpulan aktiviti
- vi. Seronok dan boleh dikecualikan ikut kelas

### Kesimpulan

Persepsi positif yang tinggi (96.9%) dalam kalangan pelajar terhadap ceramah Pendidikan Moral ini menunjukkan bahawa pilihan kaedah dan teknik penyampaian yang pelbagai dan memenuhi cita rasa pelajar dapat membantu guru menyelesaikan masalah berdepan dengan pelajar yang kurang minat dengan matapelajaran Pendidikan Moral. Pelaksanaan aktiviti alternatif iaitu ceramah moral yang berkesan dapat meningkat kesedaran pelajar tentang kepentingan amalan bertanggungjawab dan nilai-nilai murni yang lain. Panitia matapelajaran perlu sentiasa berikhtiar dan kreatif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti yang dapat membantu pencapaian objektif pembelajaran.

### Rujukan

- Bahagian Sekolah-Sekolah. (1986). Surat Pekeliling Ikthisas Bil.4/1986 Panitia Mata Pelajaran [KP(BS)8591/Jld.11/(44) bertarikh 13 Mac 1986]. <https://www.moe.gov.my>>file.
- Bampton, R., & Maclagan, P. (2005). Why teach ethics to accounting students: a response to the sceptics. *Business Ethics: A European Review*, 14(3), 290-300.
- Cragg, W. (1992). The teaching business ethics: the role of ethics in business and in business education. *Journal of Business Ethics*, 16, 231-245.
- Creswell, J., & Plano Clark, V. (2007). Designing and conducting mixed methods research. Sage.
- French, W. (2006). Business ethics training: face-to-face and at distance. *Journal of Business Ethics*, 66(1), 117-126.
- Hashim, S. (2003). Pedagogi, Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan. PTS Publication.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). (2020). Garis panduan amanah tugasan pensyarah 3.0 (Dokumen rasmi IPGM Kemaskini 22 Jun 2020). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lind, G. (2008). The meaning and measurement of moral judgement competence: a dual aspect model. [Kops.uni-konstanz.de](http://Kops.uni-konstanz.de)
- McNair, F., & Milam, E. E. (1993). Ethics in accounting education: what is really being done? *Journal of Business Ethics*, 12, 797-809.
- Norzamri Ishak, & Nurhasini Mohd Noor. (2010). Pelaksanaan penerapan nilai murni dari perspektif guru-guru Pendidikan Jasmani & Kesihatan / olahraga di Sekolah Kebangsaan Cyberjaya. Laporan kajian kualitatif yang tidak diterbitkan. Sekolah Kebangsaan Cyberjaya, Cyberjaya.
- Othman, M.K., & Suhid, A. (2010). Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar menerusi Penerapan Nilai Murni – Satu Sorotan. *MALIM-South East Asia Journal of General Studies*, 11, 117-130.
- Roslan Mahmood, & Nik Rosnah Wan Abdullah. (2008). Pendidikan etika, moral dan integriti dalam organisasi sektor awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Awam* (Jun 2008), 123-140.

- Sims, R.R., & Felton, E.L. Jr. (2006). Designing and delivering business ethics teaching and learning. *Journal of Business Ethics*, 63(3), 297-312.
- Yeoh, H. (2019). JKM menjadi pusat sehenti memberi perlindungan kepada remaja dan bayi. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/02/535365/jkm-jadi-pusat-sehenti-beri-perlindungan-kepada-remaja-dan-bayi>